



Pelajar dibantu fasilitator ceria selepas selesai aktiviti di luar dewan.

# Mahasiswa UniSZA kongsi pengalaman

Beri galakan kepada anak yatim dari SMK Binjai untuk melangkah ke menara gading

RAIHAM MOHD SANUSI

Ilmu dimiliki seramai 31 penuntut tahun akhir Fakulti Informatik dan Komputeran (FIK) Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dikongsi bersama anak yatim dari Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Binjai, Kemaman.

Selain berkongsi ilmu, mahasiswa terlibat tidak lokek berkongsi pengalaman sepanjang berada di menara gading bersama semua pelajar sempena Program Inspirasi Jalinan Ukhuwah Anak Yatim. Pensyarah FIK,

Zaami Mohamad berkata, program itu diadakan untuk memupuk minat mahasiswa khusus penuntut tahun akhir bagi menyumbang sesuatu kepada komuniti, sesuai dengan status UniSZA sebagai universiti komuniti.

"Ini juga sebagai dorongan kepada penuntut untuk membina sahsiah diri yang terpuji dan mencapai kecemerlangan dalam akademik.

"Kita yakin pelajar terlibat akan lebih bersemangat seterusnya membuka mata mereka mengenai hala tuju selepas tamat sekolah," katanya yang juga penasihat program.

Zaami berkata, program itu memfokuskan kepada pelajar tingkatan satu hingga empat.

"Kita turut jalankan beberapa aktiviti dan pengisian sesuai dengan umur pelajar yang dibahagikan kepada beberapa kumpulan bersama fasilitator.

"Mereka dapat meluangkan masa dan bertanya serba sedikit mengenai kehidupan di alam universiti untuk perancangan masa depan," katanya.

Antara aktiviti diadakan ialah Binaan Monumen Masa Hadapan, Explorace Kejayaan dan Matlamat Kehidupan. Program dengan kerjasama Pejabat Timbalan Naib Canselor HEPA dan SMK Binjai itu berlangsung selama tiga hari di Asrama Yayasan Terengganu Kemaman.

Majlis penutup disempurnakan Penolong Pegawai Pendidikan Daerah Kemaman (Unit Pengurusan Pembangunan Kemanusiaan), Mahzan Hamzah. Turut hadir, Pengetua SMK Binjai, Mazidah Che Embong; Pengetua Asrama Yayasan Terengganu Kemaman, Mohd Rozaizam Yusoff dan Yang Dipertua PIBG SMK Binjai, Wahab Mohd Zin.



Pelajar bersenam sebelum Explorace Kejayaan dimulakan.



Explorace Kejayaan menguji kecekapan dan ketangkasan pelajar bergerak.



Binaan Monumen Masa Hadapan mencungkil kreativiti pelajar.



Pelajar SMK Binjai yang dipecahkan kepada beberapa kumpulan berbilang sebelum mencipta binaan.